

# Air minum selepas banjir

Bila dan bagaimana untuk meminum air dengan selamat selepas banjir

Malay | Bahasa Melayu | ملايو بهاس

## OFFICIAL

Selepas banjir, syarikat pembekal air akan memaklumkan sama air paip anda selamat diminum. Mereka mungkin mengeluarkan:

**Do not drink advisory** (Amaran jangan minum air): Air anda mengandungi bahan kima dan toksin yang memudaratkan dan boleh menyebabkan penyakit teruk jika diminum.

**Boil water advisory** (Nasihat supaya menjerang air): Air anda mungkin mengandungi kuman dan mesti dimasak sebelum digunakan. Air yang belum dimasak boleh menyebabkan anda jatuh sakit jika diminum.

## Apa yang patut dilakukan jika tidak dapat meminum air paip

Jangan minum air paip jika agensi air telah mengeluarkan 'Do not drink advisory' (Amaran jangan minum air).

- Anda hendaklah:
  - ✓ jangan minum air paip dari kawasan yang terjejas
  - ✓ jangan masak atau rawat air itu dengan klorin atau peluntur, kerana air itu tidak akan menjadi selamat.
- Gunakan air botol untuk minum, menyediakan makanan, minuman, dan susu formula bayi, membuat ais, menggosok gigi atau air minum haiwan peliharaan.
- Dalam keadaan tertentu, anda boleh gunakan air paip untuk mengepam tandas, mencuci tangan, mandi (jangan telan airnya) dan mencuci pakaian. Berhenti menggunakan air dan hubungi doktor jika mengalami kerengsaan kulit atau apa jua tindak balas lain.
- Syarikat pembekal air akan memaklumkan anda apabila air paip selamat diminum.

## Apa yang patut dilakukan jika tidak dapat menjerang air paip

Anda perlu menjerang air paip jika syarikat pembekal air telah mengeluarkan 'Boil water advisory' (Nasihat supaya menjerang air).

- Untuk menjerang air paip supaya selamat diminum:
  - ✓ jerang air sehingga menggelegak dan kelihatan banyak gelembung air dari dasar periuk atau cerek secara berterusan.
  - ✓ biarkan air sejuk semula sebelum digunakan.
  - ✓ cerek dengan suis automatik sesuai digunakan. Cerek dengan pilihan suhu perlu ditetapkan supaya mendidih.
  - ✓ simpan air masak dalam bekas yang bersih dan bertutup
  - ✓ biarkan air sejuk semula sebelum digunakan
  - ✓ hati-hati jangan melecür.
- Air masak patut digunakan untuk minum, menyediakan makanan, minuman, dan susu formula bayi, membuat ais, menggosok gigi atau air minum haiwan peliharaan.
- Air belum dimasak boleh digunakan untuk membasuh tangan, mandi (jangan telan airnya), mengepam tandas, membasuh pinggan mangkuk dan pakaian dan berkebum atau sembur air pembersihan di luar rumah.
- Syarikat pembekal air akan memaklumkan anda apabila air paip selamat diminum.

## Dapatkan bantuan

- Hubungi syarikat pembekal air anda jika perlukan penerangan <[www.water.vic.gov.au/water-industry-and-customers/know-your-water-corporation](http://www.water.vic.gov.au/water-industry-and-customers/know-your-water-corporation)>.
- Jika khuatir anda mungkin terminum air yang tercemar atau mengalami gejala seperti gastro, hubungi doktor anda.

Untuk menerima penerbitan ini dalam format mudah akses, sila e-mel

[pph.communications@health.vic.gov.au](mailto:pph.communications@health.vic.gov.au)